

## SIARAN MEDIA

### PAMERAN 40 TAHUN DASAR PANDANG KE TIMUR MALAYSIA - REPUBLIK KOREA

---

**KUALA LUMPUR, 24 Oktober** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Pameran 40 Tahun Dasar Pandang Ke Timur: Malaysia dan Republik Korea di Dewan Memorial Tun Hussein Onn bersama kehadiran Duta Besar Republik Korea ke Malaysia Yeo Seung-Bae. Program kerjasama antara Arkib Negara Malaysia dengan Kedutaan Republik Korea yang bersifat interaktif dan interaksi secara dua hala ini diadakan bersempena ulang tahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur.

Melalui Dasar Pandang ke Timur, Kerajaan Malaysia secara konsisten menggabungkan amalan terbaik dan contoh-contoh teladan dari Republik Korea, dengan menyesuaikannya kepada konteks Malaysia. Ini disebabkan Korea sedang mengalami pembangunan pesat, menjadikannya contoh yang berharga bagi Malaysia untuk mencapai matlamat pembangunan negara termasuk meningkatkan prestasi sektor awam dan swasta.

Dari tahun 1980 hingga kini, sebanyak 386 projek pembuatan dengan penyertaan langsung dari Korea telah dilaksanakan dengan pelaburan keseluruhan sebanyak \$9.4 bilion. Negara Korea sentiasa berada dalam kalangan 10 pelabur utama Malaysia sejak sekian lama, dan ini adalah gambaran sebenar tentang pentingnya pelaburan Korea terhadap ekonomi Malaysia.

Korea merupakan rakan niaga kelapan terbesar Malaysia dan pelabur asing ketujuh terbesar, manakala Malaysia pula merupakan rakan niaga ketiga terbesar Korea dan destinasi pelaburan keempat terbesar di kalangan negara-negara ASEAN. Malaysia kini menjadi tuan rumah kepada pelbagai syarikat multinasional Korea yang terkemuka, serta syarikat kecil dan sederhana, termasuk Lotte Chemical, Samsung, Hanwha Q-Cells, Oriental Chemical Industries (OCI), Lotte Energy Material, Kiswire dan Posco.

Selain itu, SPC Group telah mengumumkan pelan untuk menubuhkan pusat pembuatan halal di Malaysia, yang mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai lokasi pelaburan pilihan bagi syarikat Korea. Pelaburan langsung asing terkini oleh syarikat Korea sangat signifikan, kerana mereka memberi tumpuan kepada ESG (alam sekitar, sosial, dan tadbir urus) dan industri bernilai tinggi, sejajar dengan keutamaan yang diberi oleh kerajaan Malaysia.

Malaysia mempunyai hubungan yang kuat dan stabil dengan Korea. Dasar Pandang Ke Timur ini masih sangat relevan dan bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan kerjasama dua hala, tetapi juga penting dalam meningkatkan kerjasama serantau.

Kerjasama lanjut yang boleh dipertimbangkan termasuk menyediakan platform untuk dialog budaya dan intelektual, menyemak semula Dasar Pandang Ke Timur dan meningkatkan bilangan pertemuan dan persidangan peringkat tertinggi, meneruskan usaha dalam operasi pemeliharaan keamanan, Di samping itu terdapat peluang untuk menjalankan kerjasama yang lebih baik dalam pengurusan warisan, pertukaran pekerja dari pelbagai sektor, program pertukaran belia, penempatan kerja pasca universiti, dan latihan silang negara.

Arkib Negara Malaysia memainkan peranan penting dalam memperkuuh sumber sejarah dan kebudayaan negara melalui koleksi dokumentasi serta program advokasi. Pameran ini **menonjolkan keunikan koleksi bahan Dasar Pandang ke Timur** yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara Malaysia dan dapat menggambarkan perjalanan pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur bersama Republik Korea.

Bahan-bahan pameran ini diperolehi dari pelbagai jenis rekod daripada beberapa agensi kerajaan lain seperti **koleksi fail, akhbar, surat persendirian dan gambar foto yang memaparkan pelbagai maklumat yang eksklusif dan unik** mengenai Dasar Pandang ke Timur.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata “Arkib Negara Malaysia perlu menjalin kerjasama dengan Republik Korea untuk menyebarluas peranan dan fungsi utamanya supaya program advokasi seperti ini dapat memberi impak positif dalam kalangan pewaris generasi muda”. Kementerian Perpaduan Negara akan terus menzahirkan sokongan terhadap program dan inisiatif yang dapat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di samping memelihara tradisi kebudayaan negara”, ujar YB Datuk Aaron.

Berlangsung selama tiga hari di Memorial Tun Hussein Onn sehingga 26 Oktober 2023, dan seterusnya selama sebulan di Arkib Negara Malaysia, pameran ini diharap dapat mengetengahkan maklumat penting berkaitan Dasar Pandang ke Timur yang **digunakan sebagai bahan rujukan, kajian dan penyelidikan oleh orang ramai**.

### Kementerian Perpaduan Negara

24 Oktober 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:-

Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)  
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )